



Teladan Dalam Pengurusan Kewangan Peribadi

“Adakah polisi insurans awda sah?”

“Tuan Ahmad, ini polisi insurans motor baru Tuan,” kata ejen insurans sambil menyerahkan Ahmad dokumennya setelah dia menerima bayaran daripadanya.

“Terima kasih,” kata Ahmad, “Memang betullah kawan saya mengesyorkan kamu. Kamu berikan diskaun yang terbaik”

Mereka ketawa sambil berjabat tangan dan lantas Ahmad meninggalkan kafe di mana mereka mengadakan perjumpaan itu. Sewaktu Ahmad pulang ke keretanya, dia memandang pada dokumen yang telah diterimanya itu buat kali terakhir untuk memastikan dia tidak ketinggalan apa-apa. Dia menyedari bahawa dia telah diberikan salinan polisi itu sahaja. Walaubagaimanapun, dia tetap berasa gembira kerana dia telah berjaya memperbaharui insurans motor pada harga yang baik. Lalu Ahmad pun meneruskan harinya seperti biasa.

Malangnya, beberapa minggu kemudian, Ahmad terlibat di dalam satu kemalangan kecil di jalan raya yang telah mengakibatkan kesan kemek yang teruk pada keretanya. Ahmad berniat untuk membuat tuntutan insurans bagi kerosakan tersebut. Dia pun pergi ke pejabat syarikat insuransnya dengan membawa salinan polisi insurans yang telah dibelinya itu.

“Apa! Apa maksud kamu polisi insurans saya tidak sah? Saya membayar insurans ini dengan wang hasil titik peluh saya! Sekarang kamu memberitahu saya bahawa saya tidak dilindungi?”

“Maaf Tuan, nama dan nombor polisi Tuan tidak ada dalam sistem kami. Boleh saya tengok polisi insurans Tuan?”

Ahmad menyerahkan polisi insuransnya dan menyedari air muka kakitangan tersebut berubah ketika dia melihat polisi tersebut.

“Sila tunggu sebentar, Tuan”, katanya sambil meninggalkan mejanya. Dia kembali dengan seorang kakitangan lain yang memperkenalkan dirinya sebagai pengurus cawangan insurans itu.

“Saya minta maaf, Tuan Ahmad. Polisi insurans Tuan adalah tidak sah kerana ia bukan dokumen yang sah. Ini adalah dokumen palsu. Saya percaya Tuan mungkin telah menjadi mangsa penipuan. Sekali lagi saya meminta maaf, Tuan,” katanya sambil menghulurkan sekeping polisi insurans tulen syarikat tersebut kepada Ahmad untuk perbandingan. Justeru itu, Ahmad pun mendapati bahawa terdapat perbezaan pada logo dan jenis tulisan di dalam kedua-dua dokumen itu. Ahmad sedar bahawa dia telah tertipu.

“Apa yang patut saya lakukan sekarang?” kata Ahmad dengan rasa tidak berdaya.

"Kami memerlukan sebanyak mungkin maklumat ejen yang dengan Tuan mengurus, supaya kami boleh membuat laporan rasmi kepada pihak polis. Dari situ, mereka akan mengambil tindakan sewajarnya terhadap ejen itu," kata pengurus cawangan insurans itu.

Dengan rasa kesal dan marah lalu Ahmad berfikir, "Andainya saya mampu untuk undurkan masa, apakah yang boleh saya lakukan untuk mengelakkan terjadinya perkara ini?"

Apa yang boleh Ahmad lakukan untuk mengelakkan keadaan seperti ini? Ada kalanya, ianya sukar untuk kita mengenal pasti sindiket penipuan. Oleh itu, disini ada beberapa *tips* dan maklumat yang mungkin berguna untuk awda:

1. Pastikan awda hanya berurusan dengan pengendali takaful, syarikat-syarikat insurans dan ejen insurans/takaful am yang berdaftar sahaja.

Tahukah awda bahawa semua pengendali takaful, syarikat insurans dan ejen insurans/takaful am adalah dimestikan untuk mendaftar ke Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD)? Untuk memastikan bahawa ejen awda dilesenkan, awda boleh meminta ejen tersebut untuk melihatkan sijil lesen yang telah diberikan oleh AMBD untuk mengesahkan kelayakannya sebagai ejen. Sebagai alternatif, senarai syarikat-syarikat insurans dan pengendali takaful yang dilesenkan oleh AMBD, serta ejen insurans/takaful am yang berdaftar boleh diperolehi melalui AMBD App, yang boleh dimuat turun secara percuma di 'App Store' bagi pengguna iPhone dan 'Google Playstore' bagi pengguna Android atau layari laman sesawang AMBD di <http://www.ambd.gov.bn>.

Orang ramai yang memilih untuk berurusan dengan orang yang tidak berlesen yang menawarkan perkhidmatan kewangan atau produk tidak akan diberikan kontrak yang boleh dikuatkuasakan, atau perlindungan yang diberikan di bawah rangka kerja kawal selia yang ditadbir oleh AMBD. Rangka kerja kawal selia AMBD ini bertujuan untuk melindungi kepentingan orang ramai dan pengguna dengan memastikan hanya orang yang kompeten dan berkelayakan diberi kuasa untuk menawarkan perkhidmatan kewangan secara peribadi di Negara Brunei Darussalam. Adalah menjadi satu kesalahan bagi mana-mana pihak yang tidak berdaftar menjalankan perniagaan insurans di Negara Brunei Darussalam dan boleh dikenakan penalti.

2. Simpan dokumen awda dengan selamat!

Awda bertanggungjawab untuk menyimpan dokumen-dokumen awda di tempat yang selamat. Dokumen-dokumen ini adalah sangat diperlukan dalam mana-mana isu yang akan timbul pada masa hadapan. Seperti kes di atas, dengan menyimpan dokumen itu, dia mempunyai dokumen yang boleh digunakan untuk membuktikan bahawa dia adalah mangsa penipuan.

3. Hubungi terus syarikat insurans atau pengendali takaful awda jika awda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai polisi insurans/takaful awda.

Seperti kes Ahmad polisi yang palsu hanya akan dikesan semasa waktu pembaharuan, memfailkan tuntutan, atau semasa mendapatkan maklumat mengenai insurans/takaful tersebut daripada syarikat insurans/pengendali takaful.

Sila ingat bahawa syarikat insurans/pengendali takaful pada lazimnya tidak akan memberikan pelanggan mereka dengan salinan polisi sahaja. Jika awda mempunyai sebarang keraguan atau mendapati mana-mana aktiviti yang meragukan, awda dinasihatkan untuk menghubungi terus syarikat insurans atau pengendali takaful awda.

Walaupun kisah Ahmad adalah rekaan semata-mata, kita semua boleh mengambil pengajaran daripadanya untuk menjadi pengguna kewangan yang lebih celik dan pintar dalam pengurusan kewangan kita.

Untuk mendapatkan artikel-artikel bagi siri "Teladan Dalam Pengurusan Kewangan Peribadi", orang ramai boleh melayari laman web AMBD di www.ambd.gov.bn.

Untuk sebarang laporan bagi apa-apa penjualan penipuan polisi insurans/takaful; atau jika polisi awda disahkan sebagai tidak sah, sila hubungi AMBD di 2233371; atau email info@ambd.gov.bn; atau dengan melawat Perkhidmatan Isu Pengguna Kewangan terletak di Tingkat Bawah, Bangunan Dar Takaful IBB Utama, Bandar Seri Begawan.

Autoriti Monetari Brunei Darussalam